

27/07/2001

Umno komited bincang perpaduan

KULIM, Khamis - Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata parti itu komited berhubung cadangannya untuk mengadakan pertemuan dengan Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu.

"Kami (Umno) sedia duduk sama berbincang dengan Pas. Kami bersungguh-sungguh untuk mengadakan pertemuan itu bagi kepentingan orang Melayu.

"Bagaimanapun Pas tidak begitu berminat untuk berjumpa dengan Umno bagi membincangkan isu berhubung perpaduan Melayu berkenaan.

"Mereka (Pas) nampaknya lebih berminat mengadakan pertemuan dengan DAP," katanya ketika ditemui selepas merasmikan kilang fabrikasi wafer Silterra Malaysia Sdn Bhd, bernilai RM5.5 bilion di Taman Teknologi Tinggi Kulim, di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Pengerusi Silterra Malaysia, Tan Sri Mohd Sherrif Kassim; dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Cyril F Hannon.

Dr Mahathir diminta mengulas usaha pertemuan antara Umno dan Pas yang terbengkalai selepas Pas menetapkan pelbagai syarat sebelum pertemuan diadakan.

Ditanya maklum balas Pas mengenai cabaran beliau supaya mereka menyediakan kertas berhubung bentuk kerajaan Islam Pas yang akan dibina, Dr Mahathir berkata, Pas belum lagi memberikan sebarang maklum balas.

"Pas kata Umno tidak mahu mendirikan kerajaan Islam. Jadi kita mahu tahu bagaimanakah bentuk kerajaan Islam yang mereka (Pas) nak buat. Tapi sehingga ini mereka belum menjawabnya.

"Jadi bagaimana kita (Umno) nak tahu atau menentang sesuatu yang kita belum tahu.

"Mereka (Pas) kata kepada orang Cina tidak apa... bertenang... Tetapi memberitahu kepada orang Melayu pula mereka tegas mengenainya," katanya.

Bulan lalu, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, berkata parti itu tetap berpegang kepada dua tuntutan iaitu royalti petroleum kepada kerajaan Terengganu dan penerbitan Harakah dua kali seminggu sebagai syarat pertemuan itu.

(END)